

## **KERAJAAN PAHANG PERUNTUK RM32.2 JUTA SELESAI MASALAH AIR DI LIPIS**

**KUANTAN, 11 APRIL 2022 :** Kerajaan Pahang melalui Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) memperuntukkan sebanyak RM32.2 juta bagi menyelesaikan masalah air di tujuh kawasan tumpuan di Lipis.

YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail berkata langkah penambahbaikan bekalan air di kawasan terlibat telah dan sedang dijalankan secara menyeluruh demi manfaat rakyat.

"Antara projek utama yang akan dilaksanakan adalah menaiktaraf sistem agihan air di Loji Rawatan Air (LRA) Jelai dengan kos pembinaan RM15.8 juta yang bakal memberi impak positif kepada 6,378 akaun.

"Fasa pertama telah pun siap dan fasa kedua projek ini dijangka siap sepenuhnya pada September 2022. Fasa pertama telah memberi impak di kawasan-kawasan hotspots di Sg Kerpan, Cheneras Jaya, Maktab Perguruan Ampuan Afzan, Sekolah Sri Lipis, Flat Tempoyang, Kuarters Kerajaan Batu 3, Jeram Bungor dan Kuala Lanar.

"Kapasiti Loji Jelai ini telah dapat dinaikkan dari menghasilkan 500m<sup>3</sup> sejam kepada 1000m<sup>3</sup> sejam air terawat. Kenaikan kapasiti 100 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mesyuarat dan taklimat penambahbaikan bekalan air daerah Lipis yang turut dihadiri oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Sri Sallehuddin Ishak; Ketua Pegawai Eksekutif PAIP, YBhg. Encik Saiful Zaini Mohd Bokhari dan Pegawai Daerah Lipis, YH. Dato' Mohd Hafizi Ibrahim.

Beliau turut melahirkan penghargaan kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang telah memperuntukan RM111 juta bagi membekalkan liputan air baharu di kawasan luar bandar di Lipis.

“Terima kasih juga kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana banyak membantu mengatasi masalah bekalan air di Lipis dengan menyalurkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM111 juta.

“Perancangan untuk mengatasi masalah air di daerah lain juga kini sedang diperincikan dalam masa terdekat. Saya yakin segala perancangan yang diatur ini dapat memberi keselesaan berpanjangan kepada rakyat pada masa akan datang,” katanya.

Sementara itu, menurut Encik Saiful Zaini, sekiranya kesemua projek telah disiapkan sepenuhnya, ia dapat menyelesaikan masalah kira-kira 11,000 akaun pengguna.

“Kesemua projek ini melibatkan 11,154 akaun pengguna yang terlibat di mana daripada jumlah ini 92 akaun di Rumah Murah Sungai Kerpan telah pun selesai.

“Bakinya pula melibatkan LRA Benta iaitu Pekan Benta, Jerkoh, Budu, Kemahang, Tanjung Besar, Jeransang, Batu 13, dan Taman Jelai. Ia juga melibatkan pemegang akaun dari LRA Benta ke Kampung Tersusun Jerkoh sepanjang 5 kilometer. Ia juga melibatkan LRA Kechau; LRA Merapoh, Lipis; LRA Jelai; dan Rumah Pam Kampung Bukit Kota,” katanya. **-PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang  
#Pahang1st  
#KerajaanNegeriPahang  
#PahangGo**

**Oleh : Ain Nadhirah Basha**

**(LIPUTAN BERGAMBAR)**





# LIPIS

## SENARAI PROJEK PAIP PAHANG DAN TINDAKAN PENYELESAIAN

| TAJUK PROJEK   | LOKASI   | STATUS               |
|--|--|----------------------|
| KERJA MENAIKTARAF SISTEM BEKALAN AIR DI KAWASAN SUNGAI KERPAN, DAERAH LIPIS, PAHANG  | RUMAH MURAH SUNGAI KERPAN  | KERJA SIAP           |
| MEMBINA PRE-SEDIMENT TANK DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN BAGI MENGATASI KEKERUHAN TINGGI DI LRA BENTA, KUALA LIPIS, PAHANG   | KESELURUHAN SISTEM AGIHAN LRA BENTA (PEKAN BENTA, JERKOH, BUDU, KEMAHANG, TANJUNG BESAR, JERANSANG, BATU 13, TAMAN JELAI).                                     | PERINGKAT REKABENTUK |
| CADANGAN PROJEK MEMBINA TANGKI PERKHIDMATAN BERKAPASITI 3,000M3, MEMBINA TANGKI SEDUTAN BERKAPASITI 1,000M3 DAN RUMAH PAM SERTA MEMBEKAL DAN MEMASANG PAIP DARI JENIS MSCL BERSAIZ 300 MM DIA. DARI TANGKI AIR BENTA KE KAMPUNG TERSUSUN JERKOH SEPANJANG 5 KM | KG. SAMA, TAMAN SAMA, KG. BARU JERKOH, KG. MELAYU JERKOH, KG. TERSUSUN, TAMAN SERI JERKOH  | PERINGKAT REKABENTUK |
| CADANGAN MEMBAIKPULIH CERUN DAN LOJI RAWATAN AIR KECHAU, LIPIS PAHANG  | LRA KECHAU   | DALAM PEMBINAAN      |
| MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJITERIMA DAN MENTAULIAH PAM AIR BERSIH, KERJA-KERJA ELEKTRIK SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN DI LOJI RAWATAN AIR MERAPOH, LIPIS, PAHANG  | RPS MERAPOH DAN TAMAN BERKAT   | DALAM PEMBINAAN      |
| MEREKABENTUK, MEMBEKAL DAN MEMASANG PAIP AIR JENIS KELULI LEMBUT DARI LOJI AIR SUNGAI JELAI KE TANGKI AIR BUKIT BIUS SERTA RUMAH PAM LENGKAP DENGAN KERJAKERJA BERKAITAN DI LOJI AIR SUNGAI JELAI, LIPIS, PAHANG   | KESELURUHAN SISTEM AGIHAN LRA JELAI (BANDAR LAMA KUALA LIPIS, TANJUNG LIPIS, KUALA LANAR, JERAM BUNGOR, TEMPOYANG, TERENGGUN, BINJAI, BATU 4, PENJOM, RENGAI). | PENYERAHAN SEPARA    |
| CADANGAN PROJEK MEMBINA TANGKI PERKHIDMATAN BERKAPASITI 3,000 M3, MEMBINA TANGKI SEDUTAN BERKAPASITI 1,000M3 DAN RUMAH PAM DI KG BUKIT KOTA UNTUK BEKALAN AIR KE KG AUR GADING DAN SEKITARNYA, LIPIS   | KG. BERKAM, KG. AUR GADING, KG BUKIT KOTA DAN KAWASAN SEKITARNYA   | SURVEY TAPAK LOKASI  |



JUMLAH KESELURUHAN : RM 36.2 JUTA